



**LINTEC**  
LAPORAN CSR 2017



*Linking your dreams*  
LINTEC Corporation

## Moto Syarikat

# Keikhlasan dan Kreativiti

Moto syarikat Kumpulan LINTEC yang merupakan asas kepada CSR ialah 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Bagi kami, nilai-nilai ialah, "Keadaan yang harus ada".

"Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dengan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

"Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi dengan mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (keadaan seadanya).

Bersikap tulus terhadap semua pemegang syer dan bertindak menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan merupakan detik permulaan bagi syarikat berteraskan "monozukuri".


Segalanya bermula dengan "keikhlasan" yang kemudiannya berkait dengan "kreativiti".

Demikian ialah pegangan LINTEC kekal utuh yang menjadi daya penggerak yang menguatkan pertumbuhan berterusan.

## Rumusan Kumpulan LINTEC

# Rangkaian global yang menyokong kegiatan

Semua pekerja Kumpulan LINTEC menjalankan pelbagai kegiatan CSR sebagai respons kepada suara para pemegang kepentingan dan untuk merealisasikan syarikat yang lebih baik.



# LINTEC WAY

Nilai penting pendukung moto syarikat

## 5 cara memupuk Keikhlasan


- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Ketulusan penghubung hati
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan

## 5 cara memupuk Kreativiti


- 1 Kekal tabah hingga berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dari sudut pandangan bumi
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

## Sorotan kewangan (penggabungan)


### Keuntungan Jualan



### Keuntungan Perniagaan



### Keuntungan Biasa



### Keuntungan Bersih Penggal




Amerika Utara

7 Syarikat 781 Orang




### Keuntungan jualan mengikut rantau



# Apakah itu Kumpulan LINTEC?

Bagi merealisasikan moto syarikat 'keikhlasan dan kreativiti', Kumpulan LINTEC sedang memajukan empat teknologi asas dengan berasaskan "LINTEC WAY" dan "Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC", serta menghasilkan nilai yang baru.

Menerusi usaha-usaha bagi "Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan [LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) - 2019], serta "Materialiti (Isu Penting)" yang menghasilkan nilai ekonomi, kami menyasarkan pembangunan masyarakat yang mampan.





## Bahan pencetak/ bahan industri




Kertas perekat/lapisan perekat bagi kegunaan kedap/label



Lapisan tingkap kegunaan kereta

Kami membekalkan produk yang dilengkapi dengan berbagai-bagai fungsi yang memenuhi keperluan mengikut kegunaan dan persekitaran kegunaannya, seperti kertas dan lapisan perekat yang digunakan sebagai label paparan bagi produk kegunaan harian, makanan, perkakas elektrik rumah dan sebagainya, pita kegunaan kekal komponen peranti mudah alih dan sebagainya serta produk perekat kegunaan kereta, pencetak kod bar kegunaan pejabat, mesin pelabel yang merekat label secara automatik, lapisan tingkap kegunaan bangunan dan kereta, bahan kegunaan papan tanda/iklan luaran, lapisan penanda yang digunakan untuk hiasan badan kereta, lembaran hiasan kegunaan dalaman yang menyumbang kepada hiasan kedai.

### Perubahan Keuntungan Jualan (Juta Yen)



## Elektronik/ optikal




Pita semikonduktor



Produk perekat LCD (paparan hablur cecair)

Kami membekalkan produk yang memanfaatkan kajian, pembangunan dan teknologi kami sendiri seperti pita khas yang digunakan untuk produk cip semikonduktor/proses implementasi dan lapisan tanggal yang penting untuk pembuatan peralatan dan kondenser seramik perlaminan yang memanfaatkan ciri khasnya serta produk perekat paparan hablur cecair (LCD) dan produk panel sentuh.

### Perubahan Keuntungan Jualan (Juta Yen)



## Kertas/bahan pembuatan




Kertas kalis minyak



Kertas proses kegunaan bahan sintetik fiber karbon

Kami membekalkan pelbagai warna dan jenis produk dengan memanfaatkan teknologi pembuatan kertas, seperti kertas kegunaan sampul berwarna dan kertas kegunaan gambar berwarna yang bercirikan banyak warna yang kaya, kertas kalis minyak bagi kegunaan membalut makanan dan kertas fungsi tidak berdebu, kertas kegunaan percetakan berkualiti tinggi, dan juga, selain daripada kertas tanggal dan lapisan tanggal yang melindungi permukaan yang sudah direkatkan, kulit sintetik dan kertas proses yang digunakan sewaktu pembuatan produk pembentukan fiber karbon.

### Perubahan Keuntungan Jualan (Juta Yen)



## Melahirkan Hasil Yang Berhubung Dengan Pertumbuhan Di Dalam Keadaan Masyarakat Yang Samar-Samar

Semenjak penubuhan syarikat pada tahun 1934, Kumpulan LINTEC, sebagai sebuah syarikat peneraju dalam bidang bahan perekat, telah membangunkan pelbagai jenis produk dengan menggunakan teknologinya sendiri seperti teknologi aplikasi perekatan dan modifikasi permukaan, serta melebarkan kawasan perniagaannya. Tahun 2016 yang menyaksikan keputusan England untuk keluar dari Kesatuan Eropah serta kenaikan pemerintahan baru di Amerika Syarikat pasti menjadi tempoh perubahan bersejarah yang terpahat di memori kita. Juga, bagi tahun 2017, kesan yang dibawa oleh dasar-dasar kerajaan Amerika Syarikat kepada ekonomi dunia, pilihan raya presiden yang dijalankan di negara-negara utama di Eropah, serta membesarnya risiko geopolitik yang melibatkan negara Jepun, telah membawa kerisauan mengenai hala tuju kita yang samar-sama.

Dalam keadaan sebegini, Kumpulan LINTEC telah mengakhiri tahun terakhir “Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan [LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) - 2016]” yang memakan masa 3 tahun. Malangnya, tentang penjualan dan keuntungan, kita telah mendapat hasil yang payah di bawah nilai sasaran yang kita tetapkan pada awal pelan. Selain daripada kesan pertambahan nilai yen, kita menganggap ketidakmampuan kita meningkatkan jualan di luar negara seperti yang kita jangkakan sebagai punca sasaran kita tidak tercapai.

Walau bagaimanapun, berkenaan dengan lima perkara yang dikemukakan sebagai tema penting, setiap daripadanya telah dapat menunjukkan hasil dan membina tapak agar kita boleh menuju ke arah pelan pengurusan penggal pertengahan yang seterusnya. Antaranya, dalam aspek “Perkembangan global” dan “Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik”, kami berpendapat bahawa pemerolehan dua syarikat pembuatan di Amerika Syarikat dan syarikat jualan di England sebagai anak syarikat pada hujung tahun 2016, akan berperanan besar dalam memacu pertumbuhan kita yang seterusnya. Dalam aspek “Penghasilan produk baharu dan revolusioner yang menyokong era seterusnya” juga, kami telah menyertai pameran antarabangsa dan mengumumkan 8 jenis produk, dan sebahagian daripadanya telah dikeluarkan ke pasaran dan mendapat penilaian yang baik.

Dengan berasaskan hasil-hasil kejayaan ini, mulai bulan April 2017, kami telah memulakan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan baru [LIP-2019] yang bermatlamatkan pertumbuhan yang baru.

## Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan Baru “LIP-2019”

(April 2017 - Mac 2020)

### Polisi asas

Mendalamkan lagi inovasi, dan menyahut cabaran pertumbuhan yang baru

### Tema Penting

1. Penguatan strategi rantau
2. Penciptaan nilai baru
3. Penguatan struktur korporat
4. Usaha ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan

## Mencipta “Nilai Yang Baru” Dengan Mendalamkan Inovasi

Kami telah mengemukakan “Mendalamkan lagi inovasi, dan menyahut cabaran pertumbuhan yang baru” sebagai polisi asas bagi [LIP-2019]. Di samping meneruskan dasar pelan sebelum ini, kami telah menetapkan nilai sasaran keuntungan jualan yang disatukan sebanyak 270 bilion yen, keuntungan perniagaan sebanyak 25 bilion yen, peratusan keuntungan jualan, keuntungan perniagaan dan pulangan ekuiti (ROE) melebihi 9% pada tahun terakhir, dan menyasarkan pertumbuhan yang baru.

Bagi [LIP-2019], kami telah meletakkan empat tema penting iaitu “1. Penguatan strategi rantau”, “2. Penciptaan nilai baru”, “3. Penguatan struktur korporat” dan “4. Usaha ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan”. Bagi mengejar inovasi dalam setiap tema, seluruh kumpulan perlu bersatu menghadapi cabaran mencapai sasaran dengan pemahaman bersama. Inovasi telah dikemukakan sebagai dasar asas pelan pengurusan selama bertahun-tahun sebelum ini. Inovasi bukanlah matlamat yang tamat begitu sahaja sesudah mencapainya, tetapi setiap pekerja syarikat haruslah mempunyai kesedaran untuk meneruskannya pada setiap waktu. Sekiranya kita mengambil pembangunan produk baru sebagai contoh, inovasinya bermaksud melahirkan “nilai tambahan yang mendahului pemikiran para pelanggan sebanyak satu langkah.” Untuk itu, dari segi perniagaan, pembuatan dan sebagainya, terdapat keperluan untuk mengkaji

## Mesej Pendahuluan

# Asas kegiatan CSR adalah semangat ‘keikhlasan dan kreativiti’ untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat.

proses pembuatan dan strategi jualan yang melampaui kerangka organisasi, serta berusaha ke arah pembuatan produk yang mempunyai keseimbangan antara sifat ekonomi dan kemasyarakatan. Manakala bagi produk yang sudah matang juga, sekiranya kita tidak dapat melakukan pembezaan pada kualiti dan kos, kita perlu berusaha meningkatkan kepuasan pelanggan dengan mencipta nilai baru dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan fungsi.

### **Kegiatan CSR “Perlindungan” dan “Proaktif” yang Berpacu dengan “Keikhlasan dan Kreativiti”**

Kegiatan CSR berkait langsung dengan “Usaha ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan” yang dikemukakan sebagai tema penting dalam [LIP-2019] yang baru ditetapkan. Dalam asas ini, semangat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang menjadi moto syarikat dilanjutkan. Semangat “Keikhlasan” untuk berusaha sepenuh hati dalam setiap pekerjaan perlu merentasi “CSR Perlindungan” yang berpusatkan asas kegiatan korporat seperti pematuhan, tadbir urus dan menghormati hak manusia. Manakala, bagi CSR “proaktif”, yang menasaskan penyelesaian isu kemasyarakatan melalui perniagaan, bermula daripada aspek pembangunan produk baru yang menyumbang kepada pembaikan masalah alam sekitar, tanpa dikongkong oleh konsep sedia ada. Kami mengamalkan “Kreativiti” yang menyahut cabaran usaha dan pembaikan sebagai peneguhnya.

Kumpulan LINTEC, untuk memacu kegiatan CSR selanjutnya serta menyahut harapan pemegang kepentingan, telah menetapkan materialiti (isu penting) pada tahun 2014, dan menetapkan indeks penilaian utama (KPI) bagi setiap perkara yang ditetapkan pada tahun 2015 (rujuk halaman 10-11). Kami berkongsi kadar pencapaian kegiatan dan bersatu untuk berusaha mengukuhkan struktur kami. Sasaran penetapan materialiti adalah supaya kegiatan CSR yang berjalan di setiap bahagian tidak sekadar berhenti di “titik”, tetapi menyambungkannya menjadi “garis” dan seterusnya menjadikannya “permukaan”, serta mencapai pengoptimuman keseluruhan organisasi.

### **Memperkuh “Perlindungan” Daripada Reformasi Cara Bekerja sehinggalah Tadbir Urus Secara Berterusan**

Bagi kegiatan CSR “perlindungan”, salah satu isu yang diusahakan dan diberi penekanan ialah “Budaya kerja” yang juga diketengahkan dalam materialiti. Dengan mendorong “reformasi cara kerja” secara jangka sederhana dan panjang, kami akan melahirkan berbagai-bagai hasil seperti pengoptimuman keseimbangan kerja dan hidup, peningkatan efisiensi bekerja dan sebagainya. Menasaskan dasar yang menyentuh pelbagai aspek bagi merealisasikan reformasi



*Hiroyuki Nishio*

**Hiroyuki Nishio**  
Pegarah Wakil, Presiden,  
Ketua Pegawai Eksekutif dan  
Ketua Pegawai Operasi  
LINTEC Corporation

setiap jenis sistem dan peluang pendidikan yang membantu para wanita serta para pekerja yang menjaga anak dan mengasuh generasi seterusnya, serta penambahbaikan layanan, adalah bagi melahirkan persekitaran kerja yang meningkatkan kepuasan para pekerja serta membolehkan mereka bekerja dengan hati yang tenang. Seterusnya, dengan memperkenalkan sistem hal ehwal manusia yang bertindak balas kepada globalisasi, selain berusaha mempelbagaikan modal insan, kami juga akan mengguna pakai pelbagai jenis sudut pandangan dan pemikiran dalam organisasi kami. Kami juga akan mempergiatkan usaha kami ke arah memberi respons kepada tadbir urus global yang menasaskan anak syarikat luar negeri yang semakin meningkat hasil penggabungan dan pemerolehan (M&A) yang merangkumi pematuhan, dan selanjutnya memperkukuhkan “perlindungan” dengan berterusan.

Menyelesaikan PDCA mengikut materialiti yang telah ditetapkan, serta melaksanakan pelan dengan sebaik-baiknya merupakan asas kegiatan CSR, tidak kira perlindungan mahupun proaktif. Bagi mengelak pengerasan kitaran PDCA dan mengekalkan fleksibilitinya, kami berpendapat bahawa tindak balas kepada perubahan masyarakat yang bermula daripada kepelbagaian ialah usaha yang kian penting.

## Kegiatan CSR Yang Menyedari “Proaktif” Memupuk Inovasi Yang Baru

Bagi meningkatkan hasil kegiatan CSR, peningkatan kadar kesedaran setiap pekerja ialah perkara yang sangat penting. Di Kumpulan LINTEC, Bahagian Perjalanan CSR melakukan usaha meningkatkan dan memupuk kadar kesedaran CSR seperti mengadakan perkumpulan belajar dan sebagainya secara berkala. Juga, bagi melaksanakan kegiatan CSR “proaktif” dalam perniagaan, kami telah memulakan “Bengkel CSR” yang mengetengahkan pekerja muda dan pekerja peringkat pertengahan bermula dari tahun 2015 (rujuk halaman 15). Ini ialah perkumpulan belajar yang menasaskan perealisasikan

penciptaan struktur dan model bisnes yang berhubung dengan penyelesaian isu kemasyarakatan dengan mengasaskan kesedaran “LINTEC WAY” yang menunjukkan nilai yang mendukung moto syarikat melalui 10 cara dan SDGs\*.

Kegiatan CSR bukanlah perkara yang dipaksakan, tetapi perkara yang dijalankan untuk memenuhi tanggungjawab kemasyarakatan dengan sendiri, dan kerana itu juga, kami berfikir bahawa ia dapat menjadi tenaga motif bagi inovasi. Bengkel ini berperanan besar untuk menerapkan motivasi melaksanakan kegiatan CSR “proaktif” dengan memastikan semula kualiti kegiatan CSR melalui pekerjaan. Bermula dari pembangunan produk berinovatif yang menyumbang kepada penambahbaikan isu kemasyarakatan, kami ingin menyemai benih inovasi yang baru.

## Sekiranya Kita Memberikan Sepenuh Tenaga Dengan Sepenuh Hati, Ia Pasti Menjana Dengan Kepercayaan Dan Hasil

Moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” menjadi dua roda yang menyokong kegiatan CSR merentasi ‘perlindungan’ dan ‘proaktif’. “Keikhlasan” ini adalah tidak terhad kepada kegiatan CSR, bahkan merupakan asas semua kegiatan, dan dari situlah lahirnya penciptaan yang baru, dan ia berkait rapat dengan pertumbuhan individu serta Kumpulan LINTEC. Seterusnya, dengan menjadikan “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai tenaga motif, menyahut harapan daripada para pemegang kepentingan, kami menasaskan pertumbuhan berterusan bersama-sama masyarakat.

Laporan ini merumuskan tentang penghasilan pada tahun 2016 dengan cara paling mudah difahami dan sistematik, bagi membolehkan masyarakat dan semua pekerja memahami kegiatan CSR Kumpulan LINTEC dengan lebih baik lagi. Oleh ini dan dengan segala hormatnya, saya ingin memohon sokongan yang tidak berubah daripada semua orang supaya ia menjadi galakan kepada kami.

\* SDGs: Ringkasan bagi “Sustainable Development Goals (Sasaran Pembangunan Boleh Mampan)”. Dipilih di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada September 2015, dan terdiri daripada 17 matlamat dan 169 sasaran.





# Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan Baru “LIP-2019”

— Mencipta “Nilai baru” dengan pendalaman inovasi —

Berdasarkan hasil dan peninjauan kembali Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan lama, kita menambah baik bahagian yang perlu diperbaiki, dan menasarkankan keuntungan jualan yang disatukan sebanyak 270 bilion yen, keuntungan perniagaan sebanyak 25 bilion yen, peratusan keuntungan jualan, keuntungan perniagaan dan pulangan ekuiti (ROE) melebihi 9% pada tahun terakhir dengan menahut cabaran usaha yang baru dengan penuh iltizam.



Mendalamkan lagi inovasi, dan menahut cabaran pertumbuhan yang baru

## Tema Penting 1

### Penguatan Strategi Rantau

- Meluaskan syer di dalam negara serta menerajui pasaran dan permintaan yang baru
- Perluasan pelaburan strategik dan perniagaan di rantau Asia
- Perluasan kawasan sedia ada di Amerika Utara serta mengejar sinergi dengan anak syarikat pembelian



**Penubuhan LINTEC ASIA PACIFIC REGIONAL HEADQUARTERS PRIVATE LIMITED**  
Dengan menjadikan penguatan perniagaan berkaitan dengan bahan pencetak/bahan industri sebagai titik utama, di samping merancang pertumbuhan rangkaian jualan di Asia Tenggara dan India, kami menubuhkan pusat pengurusan rantau di Singapura.



**Lawatan pihak pengurusan MACTAC AMERICAS, LLC**  
Pihak pengurusan MACTAC AMERICAS, LLC yang baru menjadi pertambahan kepada kumpulan ini, telah melawat ibu pejabat syarikat, pusat kajian dan kilang. Di samping mendalamkan lagi pemahaman bersama, mereka juga melakukan pemastian berkenaan strategi seterusnya.

## Tema Penting 2

### Penciptaan nilai baru

- Penciptaan produk yang mempunyai pembezaan melebihi keperluan pelanggan
- Pembangunan produk generasi seterusnya yang menjangkakan perubahan pasaran lebih awal



#### Bangunan teknologi canggih

Mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2015. Peralatan analisis tercanggih diperkenalkan, dan ia mampu melakukan daripada pembangunan bahan sumber sehinggalah pengeluaran besar-besaran dengan lebih lancar berbanding sebelum ini.





#### Kelengkapan pengecat ujian jenis besar

Diperkenalkan dalam bangunan teknologi canggih. Lebih dekat dengan peralatan pengeluaran besar-besaran di kilang, dan merealisasikan percepatan pembangunan proses pembuatan. Menyumbang kepada pembangunan pantas bahan sumber model baru yang akan berperanan dalam pertumbuhan seterusnya.

## Tema Penting 3

### Penguatan Struktur korporat

- Pembaikpulihan syarikat kumpulan serta penambahan keuntungan secara berterusan
- Memangkin reformasi perniagaan merentasi organisasi
- Memangkin reformasi struktur kos selanjutnya



## Tema Penting 4

### Usaha ke arah merealisasikan masyarakat boleh mampan

- Memacu kegiatan industri yang menyumbang kepada penyelesaian isu kemasyarakatan
- Reformasi cara kerja dan memangkin pendidikan/aktiviti modal insan



#### Bengkel CSR Tahun 2016

Bagi melaksanakan kegiatan CSR “proaktif” dalam perniagaan, “Bengkel CSR” yang mengetengahkan pekerja muda dan pekerja peringkat pertengahan telah bermula dari tahun 2015.



#### Jawatankuasa Pengkajian Penggalakan Kepelbagaian

Bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwat Manusia, kami menasarkankan pembuatan persekitaran kerja yang meningkatkan kadar keupasan pekerja dan membolehkan mereka bekerja dengan tenang. Kami melaksanakan program kesedaran yang menghala ke arah perrealisasian persekitaran kerja yang para pekerja dapat saling bekerjasama.

## Materialiti (isu penting)

Proses penetapan indeks penilaian utama dan materialiti khusus

### Langkah 1 Isu pengekstrakan

Dari setiap rangka kerja dan pemegang kepentingan dan komunikasi dalam ISO26000 dan GRI, kami mengeluarkan "isu berkaitan CSR" yang perlu dipertimbangkan.

Sebagai usaha untuk memenuhi permintaan dari pada pemegang kepentingan dan memacu kegiatan CSR, pada tahun fiskal 2014, Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti materialiti bermula dari langkah 1 di bahagian sebelah kanan hingga langkah 3 kemudian, pada tahun 2015 kami telah menetapkan indeks penilaian utama (KPI)\*1, dan bermula dari tahun 2016, kami akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

Materialiti	Lingkungan sasaran (sempadan)		Latar belakang pemilihan	
	○ adalah berkenaan			
	Dalam syarikat	Luar syarikat		
<b>Pentadbiran organisasi</b>	Pengurusan pentadbiran global	○	○	Dari segi membangunkan industri secara global, adalah perlu untuk membangun sistem pengurusan global yang strategik dan lebih tinggi daripada taraf yang dikehendaki undang-undang/peraturan setiap negara, membahagikan tugas antara pelaksana dan pengaudit, meneruskan penjelasan polisi, dan merancang penggunaan.
<b>Alam sekitar</b>	Penggunaan sumber secara efektif	○	○	Dengan menggunakan sumber fosil, pulpa dan air, penghabisan sumber asli akan membawa kesan yang mungkin berkekalan kepada masyarakat. Tambahan pula, sumber yang tidak lagi boleh didapati secara tetap kerana pembangunan juga ada, dan kerana itu, penggunaan yang menjimatkan jumlah penggunaan dan efektif sedang dicari.
	Pengurangan pelepasan bahan cemar kepada atmosfera	○	○	Bahan cemar yang dilepaskan ke atmosfera seperti gas rumah hijau, bahan perosak lapisan ozon, VOC dan lain-lain, membawa kesan kepada bumi secara keseluruhannya dan kerana itu pengurangannya adalah dikehendaki. Adalah perlu untuk mengambil langkah strategik seperti pengurusan jumlah keseluruhan.
	Sumbangan daripada aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	○	○	Daripada pembangunan kepada pembuatan, ketika penggunaan produk dan pembuangan, keperluan untuk mengambil kira alam sekitar meninggi, dan pengurusan LCA*2 adalah perlu dan tidak boleh dielakkan. Adalah perlu untuk mengambil kira dari segi produk yang dibekalkan kepada pelbagai sektor.
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	○	○	Peraturan alam sekitar adalah berbeza bagi setiap rantau dalam sasaran dan kaedah peraturannya. Selepas ini, untuk respon kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pencemaran atmosfera, air, bunyi dan gegaran di negara maju dan membangun, pemahaman dan tindak balas terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu.
<b>Budaya kerja</b>	Tindak balas terhadap keselamatan dan kebersihan kerja	○	○	Pemahaman dan tindak balas terhadap situasi, tidak sekadar berkenaan keselamatan dan kebersihan kerja, bahkan juga merangkumi pembekal negara membangun yang utama adalah dikehendaki. Tindak balas terhadap kesihatan mental juga menjadi penting.
	Merealisasikan kepelbagaian di tempat kerja	○	-	Bagi mencipta tempat kerja yang mesra pekerja, adalah penting untuk mengambil kira tentang kepelbagaian (jantina, minoriti, LGBT*3 dan sebagainya) dan untuk memberi kelebihan dalam persaingan dari segi pengurusan, adalah perlu untuk menyediakan polisi yang bermatlamat merealisasikan kepelbagaian.
	Menaikkan taraf kepuashatian para pekerja	○	-	Bagi syarikat ini, pekerja adalah pemegang kepentingan yang penting. Pertumbuhan jangka panjang syarikat adalah bergantung kepada para pekerja yang bekerja dengan penuh bangga, dan kepuashatian yang tinggi.
<b>Masyarakat</b>	Pelaksanaan usaha wajar*4 hak manusia	○	○	Kerana pembekalan tersebar di serata global, dan seterusnya memahami risiko hak manusia pada pembekal, supaya seluruh SCM*5 dapat melindungi hak manusia, penyediaan sistem pendidikan/pengauditan kepada pihak-pihak yang berkaitan adalah penting.
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek kemasyarakatan	○	○	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan aspek kemasyarakatan, sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah perlu. Adalah perlu untuk bekerjasama dan menyediakan sistem pengurusan yang global dan menyimpulkan semua keadaan di setiap negara.
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek produk	○	○	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan produk, bahan sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu. Pembekalan produk secara tetap, pengoptimuman pengurusan kualiti dan pemacuan naik taraf perkhidmatan adalah sesuatu yang wajib ada.
	Sumbangan kepada penggunaan yang lestari	○	○	Sebagai pengeluar bahan yang berkaitan dengan pelbagai penggunaan, pertimbangan kepada pengguna dan pengenalan serta penyebaran maklumat produk adalah diperlukan.
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	○	○	Dalam memacu perkembangan global, titik pertembungan dengan komuniti rantauan bertambah. Adalah perlu untuk menyedari bahawa syarikat adalah disokong oleh rantau dan masyarakatnya, serta merupakan sebahagian dari masyarakat, dan menjalankan kegiatan yang menyumbang dalam pelbagai bentuk bagi merancang simbiosis dengan masyarakat.
<b>Sumbangan kepada aspek industri</b>	Pembinaan model perniagaan untuk pengeluaran dalam pasaran tempatan di negara-negara membangun	○	○	Kami meluaskan kegunaan produk perekat dan membekalkan produk yang berguna ini ke negara-negara membangun serta melaksanakan perkembangan global berorientasikan kualiti. Kami mencipta permintaan tempatan, menggalakkan lagi perolehan tempatan, dan merancang pembinaan model perniagaan yang mendarat.
	Perluasan ke bidang baharu	○	○	Dengan menyedari kekuatan dan kelemahan daya kepakaran dan penyelidikan semasa, kami merancang perluasan ke bidang baru yang memberi respon kepada keperluan pelanggan global dan isu kemasyarakatan. Adalah perlu juga untuk mengambil kira tentang sifat kemasyarakatan (keselamatan, kualiti, harga) melalui perbincangan dengan pemegang kepentingan.

\*1 Indeks penilaian utama (KPI): Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

\*2 LCA: Singkatan bagi 'Life Cycle Assessment'. Kaedah mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO<sub>2</sub>, dan bahan kimia toksik yang dikeluarkan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk, untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar.

\*3 LGBT: Akronim bagi Lesbian (orang yang suka sesama jantina perempuan), Gay (orang yang suka sesama jantina lelaki), Bisexual (orang yang suka kedua-dua jenis jantina) dan Transgender (pengidap sindrom Gangguan Identiti Seksual), salah satu nama am bagi minoriti seksual.

### Langkah 2 Penetapan susunan keutamaan

Kami memberi prioriti tentang isu yang berlaku dari 2 sudut pandangan iaitu "kepentingan kepada Kumpulan LINTEC" dan "kepentingan kepada pemegang kepentingan".

### Langkah 3 Pemastian kesesuaian

Pakar dalam syarikat dan presiden pembuat keputusan berkaitan CSR telah membuat kelulusan dan penilaian.

### Langkah 4 Penetapan indeks penilaian utama

Pendedahan materialiti yang telah dikenalpasti. Berdasarkan keadaan kemajuan usaha-usaha, pada tahun 2015, kami telah menetapkan indeks penilaian utama, dan bermula dari tahun 2016, kami akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

\* Organisasi sasaran pencapaian nyata: [A] LINTEC/[B] Kumpulan LINTEC/[C] LINTEC, TOKYO LINTEC KAKO INC./[D] Ibu pejabat LINTEC, 10 pusat pembuatan, pusat penyelidikan/[E] 8 pusat pembuatan, pusat penyelidikan LINTEC

	Keadaan yang harus ada	Usaha	Indeks penilaian utama	Pencapaian nyata*
	Berusaha mengukuhkan sistem pengurusan serta memastikannya berfungsi.	Pengukuhan tadbir urus global	(1) Menggunakan pakai khidmat perundingan dalam dan luar negara (2) Hasil daripada audit dari jabatan audit dalaman yang diperiksa dengan undang-undang setiap negara dan piawaian syarikat	(1) 1 item [B] (2) Tiada perkara ditunjukkan yang penting [B]
	Berusaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan pematuhan terhadap undang-undang alam sekitar.	Aktiviti perolehan yang mengambil kira tentang mengurangkan kesan kepada alam sekitar, berdasarkan Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC	Berat pelarut organic	18.8 ribu t [A]
		Pengurangan pelepasan gas kepada atmosfera berdasarkan matlamat jangka masa sederhana alam sekitar	(1) Jumlah pengeluaran CO <sub>2</sub> bagi kegiatan perniagaan dalam negeri (2) Jumlah pengeluaran VOC bagi kegiatan perniagaan dalam negeri	(1) 195.0 ribu t [C] (2) 910t [E]
		Pembangunan dan penyebaran produk mesra alam yang mengambil kira tentang LCA	Bilangan pembuatan produk yang mesra alam sekitar	25 item [A]
		Pengurusan dan tindak balas pematuhan dalam aspek alam sekitar berdasarkan sistem pengurusan alam sekitar	Jumlah kes pelanggaran undang-undang alam sekitar	0 item [D]
	Membina persekitaran tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan rasa selamat, dan memastikan keselamatan pekerja apabila berlaku kecemasan.	Mematuhi sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja, dan melaksanakan aktiviti untuk melindungi keselamatan pekerja	(1) Jumlah cuti bekerja akibat bencana kemalangan dan perburuhan (2) Tempoh masa tiada kemalangan sepenuhnya	(1) 5 item [A] (2) **[A]
		Menghormati kepelbagaian setiap pekerja dan menyediakan tempat kerja yang baik	(1) Peratusan kerja pengurusan pekerja wanita (2) Peratusan kembali bekerja selepas cuti bersalin	(1) 13% [B] (2) 100% [A]
		Penstrukturan persekitaran tempat kerja yang memberi motivasi kepada pekerja	Peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun bagi pekerja baru tamat pengajian	9.4% [A]
	Berusaha memacu komunikasi global yang mengambil kira tentang pemegang kepentingan.	Mengambil kira tentang hak asasi manusia bagi keseluruhan rantaian bekalan dan memahami risiko	Jumlah maklum balas soal selidik dari pembekal	88 syarikat [A]
		Ketelusan dan penelitian tentang pematuhan dalam syarikat	Kadar maklum balas soal selidik tentang pematuhan eksekutif dan pengurus syarikat	87.7% [B]
		Pencegahan dan pengurangan kemalangan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti barang	Jumlah laporan kemalangan berkaitan produk utama	0 item [C]
		Memperkenalkan dan menyebarkan keberkesanan produk yang mesra alam sekitar kepada pemegang kepentingan	Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (penilaian aktiviti)	32 kali [A]
		Sebagai warga korporat yang baik, melaksanakan aktiviti sosial yang memberi sumbangan kepada masyarakat serantau	(1) Jumlah penerimaan peserta dalam lawatan kilang (2) Pelaksanaan aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat	(1) 677 orang [A] (2) → lihat halaman 15 [B]
	Memacu model perniagaan yang mengambil kira tentang persekitaran dan masyarakat, serta berusaha mewujudkan perniagaan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah social.	Pembangunan penyelidikan produk yang bertujuan untuk memberi penyelesaian dalam masalah masyarakat dan mempromosi perolehan tempatan	Penstrukturan sistem pendaftaran bahan mentah tempatan di lokasi luar negara (penilaian aktiviti)	Sedang dalam pembangunan sistem carian bagi pengurusan maklumat bahan mentah peringkat global [B]
			Bilangan permohonan paten (penilaian aktiviti)	395 item [A]

\*4 Usaha Wajar Hak Manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahaya pelanggaran hak manusia, menjalankan proses yang mengendalikan perkara demikian (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Manusia 1).

\*5 SCM: Pengurusan Rantaian Bekalan Pengurusan/penyusunan secara optimum pengaliran satu siri daripada pengedaran bahan material, melalui produksi, penjualan dan pengedaran kepada pengguna terakhir.

\*6 Kilang Akatsuma...1.5 juta jam. Pejabat Shingu (termasuk Niihama), Kilang Chiba, Kilang Komatsushima, Pusat Teknologi Ina...tiada bencana selama 1 tahun.

★ Petunjuk prestasi tanda paparan yang mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.

# Aktiviti CSR oleh LINTEC

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang kepentingan. Bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja, dengan meletakkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai asas, mengambil “LINTEC WAY”, “Sikap Asas CSR”, dan “Garis Panduan Pematuhan” yang penting bagi mendukung moto syarikat, dan memacu secara proaktif kegiatan CSR.

Selain itu, bermula dari bulan April 2017, untuk merealisasikan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan

“LINTEC INNOVATION PLAN 2019 (LIP-2019)”, pengukuhan pengurusan kumpulan adalah penting, dan kami menggalakkan kegiatan CSR yang berterusan dalam global. Kumpulan LINTEC menggabungkan aktiviti CSR yang berhubung terus dengan pihak pengurusan, dan untuk mengamalkan CSR melalui perniagaan utama kami, pada tahun 2015, kami telah menetapkan indeks penilaian utama\*1 yang baru berdasarkan materialiti yang dikenal pasti. Kami mengamalkan aktiviti CSR yang strategik berdasarkan amalan kitaran PDCA.

\*1 Indeks penilaian utama (KPI): → lihat halaman 10.

## Kumpulan LINTEC Garis Panduan Pematuhan

Pematuhan adalah sangat penting kepada aktiviti-aktiviti korporat. Kumpulan LINTEC komited untuk mematuhi “peraturan-peraturan relevan” dan “peraturan-peraturan sosial” semasa menjalankan aktiviti korporat di dalam dan luar negara.

Kami, pengarah dan pekerja LINTEC, akan:

1. Terus menawarkan produk dan perkhidmatan yang menyumbang kepada masyarakat.
2. Jalankan transaksi yang adil dan telus berdasarkan kepada prinsip persaingan bebas dengan semua rakan kongsi perniagaan.
3. Mematuhi peraturan di dalam semua aspek aktiviti korporat di Jepun dan luar negara, dan menjalankan perniagaan berdasarkan kepada standard etika tertinggi.
4. Menekankan kepentingan perhubungan rapat dengan semua orang yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti korporat, seperti pemegang saham, pelabur, rakan kongsi perniagaan, masyarakat tempatan, dan para pekerja.
5. Terlibat secara aktif dalam mengawal dan mengurangkan beban alam sekitar, memandangkan masalah alam sekitar global adalah kebimbangan pengurusan yang amat penting.
6. Terlibat secara proaktif di dalam aktiviti yang menyumbang kepada masyarakat tempatan dan serantau sebagai warga korporat yang baik.
7. Mengekalkan perhubungan saksama dan telus dengan badan politik dan kerajaan.
8. Mencegah sebarang penglibatan dengan organisasi anti-sosial.
9. Mengambil bahagian di dalam aktiviti hospitaliti dengan rendah diri dan secara wajar apabila perlu sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan.
10. Kendalikan maklumat korporat sebaiknya, dan dedahkannya hanya pada waktu yang sesuai dan dalam cara yang sesuai.
11. Mengendalikan harta intelektual secara selamat, menghormati hak harta intelek syarikat lain dan tidak melanggarnya.
12. Kami menghormati hak dan perwatakan setiap seorang pekerja dan ahli lembaga syarikat dan memberi layanan yang adil serta berusaha memelihara suasana di tempat kerja.

Digubal Januari 2003 Dipinda April 2011

## Komunikasi antara rangkaian nilai Kumpulan LINTEC dengan pemegang kepentingan

Kegiatan perniagaan Kumpulan LINTEC memberi impak kepada setiap rangkaian nilai. Bagi setiap fasa, kami melakukan perbincangan secara proaktif dengan para pemegang kepentingan, dan menjalankan usaha-usaha mencapai harapan masyarakat.

[Tempat perbincangan]

Pelanggan	Pameran di dalam dan luar negara, Kaunter pertanyaan dan sebagainya
Klien	Soal selidik dan sebagainya
Masyarakat serantau	Lawatan sambil belajar ke kilang, Kegiatan menyumbang kepada masyarakat dan sebagainya
Pekerja	Majalah komunikasi, Internet dan sebagainya
Pemegang saham/pelabur	Mesyuarat umum pemegang saham, Mesyuarat IR, alat IR dan sebagainya

Sorotan  
Usaha-usaha  
Kumpulan  
LINTEC

### Perolehan bahan mentah



Menuju kewujudan dan pertumbuhan bersama dengan klien, serta menggalakkan perolehan CSR

### Pembangunan penyelidikan



Penciptaan produk baru yang inovatif serta menyumbang kepada masyarakat yang berpusat di bahagian pembangunan penyelidikan

Bilangan klien bahan sumber

Kira-kira **500** syarikat

Peratusan menjawab soal selidik daripada 88 syarikat dengan nilai transaksi tertinggi **100**%

Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan  
Kos kegunaan penyelidikan dan pembangunan

**7.6** bilion yen

Bilangan permohonan kebenaran istimewa

**395** item

## Sistem pemacu CSR

Di bawah kawalan langsung ketua Bahagian Perjalanan CSR, kami menjalankan pembangunan tahap etika yang tinggi dan menyokong aktiviti jawatankuasa CSR. Jawatankuasa CSR ini terdiri daripada ahli merentas organisasi, yang bertanggungjawab menyusun dan bertanggungjawab dalam promosi bagi setiap jawatankuasa, dan mengetuai aktiviti pengurusan.



Pada 1 April 2017

## UN Global Compact

Kumpulan LINTEC telah menyertai "UN Global Compact" dari April 2011. Dengan berdasarkan 10 prinsip yang tertera di bawah, kami menjalankan kegiatan industri kami, dan menyumbang terus kepada pembangunan berterusan syarikat.

### Hak manusia

Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak manusia  
Prinsip 2: Menolak pelanggaran hak manusia

### Standard kerja

Prinsip 3: Perakuan kebebasan berserikat dan hak perundingan kolektif  
Prinsip 4: Menolak kerja paksaan  
Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak  
Prinsip 6: Menghapuskan diskriminasi pelantikan dan pekerjaan

### Alam Sekitar

Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar  
Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar  
Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran kepakaran mesra alam sekitar

### Pencegahan Korupsi

Prinsip 10: Usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan pemberian rasuah

## ISO26000

"ISO26000" adalah standard bertaraf antarabangsa yang berkaitan dengan tanggungjawab kemasyarakatan pada mana-mana organisasi. Dalam Kumpulan LINTEC, dengan menjadikan 7 tema teras sebagai rujukan, kami menjalankan kegiatan CSR.



Pentadbiran organisasi



Hak manusia



Budaya kerja



Alam Sekitar



Budaya industri yang adil



Isu pengguna



Penglibatan komuniti dan pembangunan komuniti

### Pengeluaran



Meningkatkan pengeluaran secara efektif di dalam dan luar negara serta mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar, juga menggalakkan pengeluaran produk baru secara besar-besaran

### Pengurusan sumber



Mencapai pembekalan sumber produk yang stabil dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar yang disebabkan oleh anjakan modal

### Jualan/Penggunaan



Menawarkan kepercayaan dan keyakinan berdasarkan kualiti "pembuatan" bahan yang berkualiti tinggi yang dapat memuaskan hati pelanggan

### Pelupusan dan kitar semula



Promosi pengurangan sisa makanan dan penggunaan yang berkesan

Pelaksanaan pelbagai kegiatan yang menyumbang kepada masyarakat di setiap pejabat  
Nilai sumbangan setahun bagi kegiatan sumbangan kemasyarakatan

**18.22** juta yen

Jumlah penggunaan tenaga oleh pengangkutan efisien  
Nisbah tahun 2015  
Pengurangan sebanyak

Kira-kira **1.7** %

Unit jumlah penggunaan tenaga

Penambahbaikan kira-kira **0.4** %

Hasil penelitian pengurusan kualiti  
Peratusan bilangan insiden kualiti  
Daripada tahun 2003 (tahun piawai)

Berlaku pengurangan **87** %

Jumlah penghasilan bahan buangan daripada pemacuan kitar semula sumber

Kira-kira **87.1** % Kitar semula

Pembuangan sifar kurang daripada 1.0% peraturan berakhir ditimbus

Mencapai **10** tahun berturut-turut

\*Kesemua sorotan usaha mengikut pencapaian nyata LINTEC yang tidak disatukan.

# Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, “Keikhlasan dan Kreativiti”, Kumpulan LINTEC berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan LINTEC dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut dipraktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

## Pentadbiran Perusahaan

### Pemikiran Kumpulan LINTEC terhadap pentadbiran korporat


Kumpulan LINTEC menjalankan pematuhan menyeluruh, meningkatkan kesedaran etika korporat dan ketelusan pengurusan, ia bertujuan agar pekerja dapat membuat keputusan dengan cepat dan pelaksanaan perniagaan yang efektif, dan kami percaya ia adalah asas pentadbiran korporat. Melalui penambahbaikan dan pengukuhan, kami menasaskan untuk meningkatkan lagi nilai korporat dan kepentingan bersama pemegang saham Kumpulan LINTEC.

### Struktur Pentadbiran Korporat

Dalam LINTEC, kami telah memilih Syarikat Institut Jawatankuasa Audit\*1 sebagai reka bentuk organisasi\*2, dan melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli Lembaga Pengarah Jawatankuasa Audit yang berhak mengundi, serta mengukuhkan fungsi penyeliaan lembaga pengarah, dalam usaha mempertingkatkan pentadbiran korporat dan seterusnya berusaha untuk mempercekapkan pengurusan.

Terdapat 4 orang pengarah luar syarikat, dan 3 orang daripadanya telah menjadi pengarah jawatankuasa audit. Sebagai inisiatif khusus dalam pengurusan lain, mereka memegang jawatan ini untuk tempoh satu tahun, di samping mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan berkenaan Lembaga Pengarah kepada semua pemegang saham, dan berdasarkan pengenalan Sistem Pegawai Eksekutif, mereka membuat keputusan penting dalam pengurusan, dan perlu memisahkan ia dengan pegawai eksekutif untuk pelaksanaan perniagaan.

### Struktur Pentadbiran Korporat



\*1 Syarikat Institut Jawatankuasa Audit: Syarikat awam di mana Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada lebih 3 orang eksekutif (majoriti eksekutif dari luar syarikat) yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit melaksanakan audit/penyeliaan terhadap pelaksanaan tugas oleh para eksekutif.

\*2 Reka bentuk organisasi: Menentukan struktur "organisasi" (mesyuarat agung pemegang saham, lembaga pengarah, dan lain-lain) yang menetapkan keputusan dan tujuan serta menjalankan pengurusan syarikat korporat untuk.

## Kegiatan 1 Program kesedaran mengikut Garis Panduan Pematuhan

Kumpulan LINTEC menerbitkan risalah "Garis Panduan Pematuhan" yang mencatatkan tatakelakuan pekerja dan berusaha menjalankan program kesedaran bagi setiap orang.

Pada April 2017, kami telah menyemak semula kandungannya, dan menerbitkan cetakan yang telah dipinda.

Juga, kami mengadakan perkumpulan belajar CSR di dalam dan luar negara yang menggunakan risalah ini.



## Kegiatan 2 Kajian global berkaitan hak manusia/buruh

Kumpulan LINTEC pada bulan Februari dan Mac 2017, telah menjalankan kajian keadaan sebenar berkaitan hak manusia dan buruh, dengan menjadikan kesemua syarikat kumpulan sebagai sasaran kajian\*.

Mengikut kajian, selain daripada pematuhan setiap negara dan rantau, tatakelakuan Kumpulan LINTEC juga difahami, dan kami dapat memastikan bahawa persekitaran kerja yang menghormati hak asasi manusia serta selamat dan sihat adalah terjaga. Pada masa akan datang, kami akan menjalankan kajian berkala sekali setahun, dan memanfaatkannya bagi memahami keadaan sebenar dan penambahbaikannya.

### Pengurusan risiko

Kumpulan LINTEC menghapuskan semua risiko berkaitan dengan pengurusan syarikat dengan menasaskan semua syarikat kumpulan, serta berusaha mencegah kejadian masalah dengan usaha-usaha penambahbaikan dengan bertindak balas terhadap tahap keparahan dan kepentingannya.

Dengan menjalankan soal selidik pematuhan dan memahami keadaan dalam syarikat, kami berusaha meningkatkan kemampuan pengurusan risiko.

## Kegiatan 3 Berkenaan Pembinaan BCMS\*3 di seluruh syarikat

LINTEC, TOKYO LINTEC KAKO, INC. dan LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. sedang berusaha menetapkan BCP\*4 supaya, ketika berlaku pelbagai bencana seperti gempa bumi, ia dapat meminimumkan kecederaan kepada individu dan menyambung pembekalan dan membuka semula industri dengan cepat. Pada Mac 2014, kami telah mendapatkan pensijilan ISO22301\*5 : 2012, dan bagi meneruskan/menambah baik BCP, kami mengoperasikan BCMS. Pada masa akan datang, kami ingin merancang menambah ketelusan BCMS kepada semua pekerja syarikat, dan merancang mengaktifkan dan memperkayakan kegiatan kami.

\*3 BCMS: Singkatan untuk Business Continuity Management System. Untuk "meneruskan perniagaan" semasa berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat, kami memahami keadaan semasa organisasi dan merumuskan pelan kesinambungan perniagaan, dan melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, serta teknik pengurusan untuk mengendalikannya.

# Laporan Kemasyarakatan

## Kegiatan 1 Bengkel Penciptaan Industri Yang Mengambil Kira SDGs\*6

Kumpulan LINTEC berpendapat bahawa pelaksanaan “CSR proaktif” merujuk kepada tindak balas terhadap isu kemasyarakatan dan harapan pemegang kepentingan melalui bisnes. Bagi menunjukkan semangat moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang merupakan akar CSR LINTEC, pada tahun 2016, sebagai lanjutan daripada tahun sebelumnya, kami juga telah mengadakan bengkel yang menengahkan pekerja muda dan pekerja peringkat pertengahan untuk mencipta inovasi.

Pada bengkel kali kedua ini, “Sasaran Pembangunan Boleh Mampun (SDGs)” yang telah mula diusahakan pada peringkat dunia telah digunakan sebagai asas penetapan isu. Para peserta seramai 30 orang membahaskan berkenaan kemampuan Kumpulan LINTEC mengusahakan cara penyelesaian bagi SDGs ini melalui perniagaan, dan merancang pelan perniagaan dalam tempoh setengah tahun. Pada kali yang terakhir, para peserta telah membuat pembentangan secara langsung kepada pihak pengurusan termasuklah pengerusi dan presiden syarikat.



Keadaan bengkel

## Kegiatan 2 Pemerolehan CSR

LINTEC menjalankan kegiatan pemerolehan mengikut “Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC”, “Dasar Pemerolehan Hijau LINTEC”, dan “Dasar Pemerolehan Pulpa Kayu LINTEC” yang berasaskan semangat CSR.

Di samping memperdalamkan pemahaman kepada dasar ini daripada para klien, kami juga meminta penelitian CSR dari pelbagai sudut pandangan. Pada tahun 2016 juga, kami menjalankan soal selidik klien, dan memastikan perkara-perkara berkaitan CSR seperti pematuhan, menghormati hak manusia, persekitaran kerja yang selamat dan sihat, serta etika korporat dan sebagainya. Kami meminta kerjasama untuk menjawab soal selidik daripada 88\* buah syarikat yang mencatatkan nilai transaksi tertinggi dalam kalangan kira-kira 500 buah syarikat klien bahan sumber kami, dan kesemua klien yang diminta telah menjawab soal selidik. Selepas ini, kami ingin terus berusaha bekerjasama dengan klien kami.

\*4 BCP: Singkatan kepada Business Continuity Plan. Jika syarikat menghadapi keadaan kecemasan seperti kemalangan atau bencana, untuk mengurangkan kerosakan, kami merumuskan pelan tindakan lebih awal untuk membolehkan penerusan atau pemulihan awal.

\*5 ISO22301: Dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kejadian bankrap pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan, sebagai persediaannya, merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakan piawaian antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan.

## Kegiatan 3 Kegiatan pada peringkat global

PT. LINTEC INDONESIA telah menanam 1,500 batang pokok bakau bagi penambahbaikan alam sekitar rantau. MADICO, INC. telah menyokong rantau mereka dari banyak segi, seperti menyertai acara bagi membantu kanak-kanak yang tidak dapat kembali ke rumah mereka atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.



Keadaan kegiatan sukarelawan MADICO, INC.


### Pemikiran Kumpulan LINTEC terhadap hak manusia

Di Kumpulan LINTEC, semua pekerja bertindak di bawah moto syarikat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’. Demi memastikan setiap pekerja dapat bekerja dengan bermakna dan adil, kami tidak melakukan diskriminasi berdasarkan kaum, kenegaraan, jantina, agama, kepercayaan, umur dan lain-lain bagi menghormati kepelbagaian setiap individu\*7.


Selain itu, Kumpulan LINTEC menyertai ‘UN Global Compact’ yang menetapkan peraturan melarang buruh paksa dan buruh kanak-kanak dari tahun 2011.

Kami berharap untuk terus menggalakkan kepelbagaian dan berkembang dengan setiap pekerja mengiktiraf satu sama lain.

### Jumlah pekerja mengikut jantina bagi LINTEC



### Jumlah pekerja mengikut jantina bagi Kumpulan LINTEC



(Luar negara: 31/12/2016 Dalam negara: 31/3/2017)

\* Pekerja Jepun yang diambil bekerja di tempat sendiri termasuk dalam jumlah pekerja tempatan.

\* Peratusan lelaki dan wanita yang bekerja dalam sektor pengurusan

\*6 SDGs: → lihat halaman 08.

\*7 Menghormati kepelbagaian: Dengan menghormati kepelbagaian antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

Tentang tanda ★, lihat halaman 11.

# Menjadi perusahaan yang diperlukan di rantau dengan pengaktifan komunikasi daerah

Pejabat Shingu dan Pejabat Tatsuno telah bekerjasama dengan badan NPO "Kumpulan Meningkatkan Papatung Merah Tatsuno" pada tahun 2013.

Melalui kegiatan mengembalikan semula pemandangan indah Tatsuno yang dinyanyikan dalam lagu kanak-kanak "Akatonbo (Papatung merah)", kami berusaha mengaktifkan komunikasi daerah.



## Pengalaman Bercucuk Tanam Di Sawah Mesra Papatung Merah Bersama-Sama Kanak-Kanak Daerah

Badan NGO "Kumpulan Meningkatkan Papatung Merah Tatsuno" menjalankan berbagai-bagai aktiviti sepanjang tahun seperti membesarkan nimfa papatung dan kajian penandaan serangga dewasa. Salah satu aktiviti berkenaan ialah pembuatan sawah padi yang tidak menggunakan racun serangga yang memberi kesan buruk kepada papatung merah Akiakane. Bagi penanaman sawah padi yang dijalankan pada Mei setiap tahun, kami mengumpulkan kanak-kanak daerah, dan pada tahun 2017, seramai 60 orang kanak-kanak, iaitu bilangan terbanyak setakat ini, telah menyertainya.


Pada hari berkenaan, kakitangan LINTEC telah, di samping bercucuk tanam, mengagihkan biji padi, menggerakkan garisan pemandu bagi setiap batas padi supaya biji padi boleh ditanam dalam garisan lurus, dan menyumbangkan tenaga selaku kakitangan operasi. Setelah penanaman di sawah, pelepasan telur papatung merah ke dalam air serta peletakan kotak penjagaan nimfa telah dijalankan, dan kanak-kanak telah mendengar penjelasan tentang tumbesaran papatung merah sambil melihat ke dalam kotak penjagaan.

Kegiatan sokongan sepanjang tahun, bukan sekadar menjadi peluang belajar untuk para kanak-kanak yang akan memikul tanggungjawab sebagai generasi akan datang, malahan juga berhubung kait dengan pemeliharaan kepelbagaian yang melindungi hidupan yang akan tinggal di situ pada masa akan datang. Pada masa akan datang, untuk terus menjadi perusahaan yang dipercayai dan diperlukan oleh masyarakat daerah itu, kami ingin teruskan usaha merancang komunikasi daerah.

Beras yang sudah siap dijual sebagai "Beras Papatung Merah Tatsuno"!



Masyarakat daerah yang menyertai penanaman di sawah



Papatung merah

Kakitangan LINTEC yang menjalankan pertanian sawah secara harmoni bersama-sama kanak-kanak

### Komen pekerja LINTEC



Pada mulanya, saya memulakan kegiatan sebagai pegawai bertanggungjawab untuk pengurusan alam sekitar, tetapi setelah melihat betapa seriusnya perasaan rakan-rakan daripada badan NPO, walaupun saya tidak lagi bertugas sebagai pegawai, saya masih meneruskan penyertaan saya.

Tetsuo Shioya  
Bahagian Pembuatan Pejabat Shingu Pejabat Tatsuno



Setelah mengetahui keseronokan bergiat bersama-sama dengan masyarakat daerah dalam alam sekitar, saya menyertai aktiviti ini. Saya berfikir bahawa kegiatan ini ialah peluang yang baik untuk meningkatkan minat terhadap LINTEC.

Kenji Nagasawa  
Bahagian Kejuruteraan Pejabat Shingu Pejabat Tatsuno

### Bilangan papatung yang membesar di sawah mesra papatung merah (ekor)

	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016
Bilangan papatung	3	24	419	39	68
Bilangan kotak*	2	8	4	10	17

\*Bilangan kotak: Bilangan kotak yang mempunyai papatung yang membesar, daripada kotak-kotak jagaan yang diletakkan di sawah

### Komen daripada badan NPO



Saya berasa sangat berterima kasih atas sokongan daripada pihak LINTEC, dan berasa bangga dengannya sebagai sebuah perusahaan yang mendukung Tatsuno. Saya berharap agar para pekerja boleh terus memupuk semangat cintakan daerah ini dan meneruskan kegiatan ini pada masa akan datang.

Encik Seigo Maeda

Wakil Badan NPO "Kumpulan Meningkatkan Papatung Merah Tatsuno"




# Laporan Alam Sekitar


## Data alam sekitar bagi 11 syarikat kumpulan di luar negara

Tahun 2016 (tempoh kiraan: 1 Januari hingga 31 Disember 2016) Tahun 2015 (tempoh kiraan: 1 Januari hingga 31 Disember 2015)


### Pengeluaran VOC\*1



### Jumlah penggunaan elektrik



### Jumlah penggunaan bahan api (diesel/gas asli) (unit: Crude Oil Equivalent, COE)



PT. LINEC INDONESIA pula mengurangkan setiap jumlah penggunaan dan pelepasan untuk mengurangkan jumlah pengeluaran.

Peringatan) 1. VOC (sebatian organik mudah meruap) termasuklah toluena, methyl ethil keton. 2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimatan Tenaga. 3. LSFT: LINEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LAT-T: LINEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LINEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

## Kegiatan 1

### Tindakan balas kepada Undang-Undang PRTR\*2

Terdapat 9 bahan yang tertakluk pada PRTR yang dilaporkan oleh LINEC pada tahun 2016, dan jumlah keseluruhan yang dikendalikan adalah sebanyak 7,826t. Bahan yang paling banyak jumlah yang dikendalikan ialah toluena, iaitu sebanyak 7,730t, yakni pertambahan daripada jumlah yang dikendalikan pada tahun sebelumnya (7,436t) sebanyak 294t. Jumlah perlepasan toluena ke dalam udara pada tahun 2016 ialah sebanyak 471t iaitu pertambahan daripada jumlah perlepasan pada tahun sebelumnya (441t) sebanyak 30t tetapi jumlah perpindahannya ialah 467t iaitu pengurangan daripada tahun sebelumnya (494t) sebanyak 27t.

## Kegiatan 2

### Tindak balas kepada pelbagai jenis peraturan pengurusan bahan kimia di Kesatuan Eropah

Di LINEC, bagi bahan sumber yang dibeli, kami melaksanakan pemeriksaan kandungan bahan beban alam sekitar dan menunjukkan maklumat yang diperlukan kepada para pelanggan. Seterusnya, kami menjalankan tindak balas bagi bahan yang dihadkan sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan REACH\*3 dan Arahan RoHS\*4 di Kesatuan Eropah.

Pada tahun 2016, kami mengubah senarai bahan beban alam sekitar yang menjadi subjek pemeriksaan kepada klien. Seterusnya, kami akan meneruskan usaha pengurusan/penguatan bahan kimia yang terkandung dalam produk.

## Kegiatan 3

### Pengurangan VOC

Kami di LINEC memacu pengurangan VOC. Sewaktu mereka bentuk produk, kami menyasarkan pengurangan jumlah penggunaan pelarut organik dari segi VOC, dan mendorong langkah ke arah penggunaan sifar pelarut dalam minyak penanggal yang digunakan pada kertas tanggal serta minyak perekat yang digunakan pada produk perekat berkaitan pencetak.

Peraturan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah pengeluaran) dalam kertas tanggal pada tahun 2016 ialah 56%, manakala peraturan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah jualan) dalam produk perekat berkaitan pencetak ialah 73%. Peraturan ke arah penggunaan sifar pelarut telah menjadi stabil. Dari sudut pandangan pencegahan pencemaran udara, kami menyedari akan keperluan lebih banyak pengurangan, dan seterusnya, kami akan terus memajukan draf dan pelaksanaan dasar ke arah pengurangan VOC.

Kami akan terus melakukan pengurangan peralatan pemprosesan secara menyeluruh serta menjalankan pembangunan dan penjualan produk sifar pelarut, seterusnya berusaha ke arah pengurangan beban alam sekitar.

## Suara!

### Pelaksanaan pelbagai usaha bagi mengurangkan VOC

Kilang Chiba, bagi mengurangkan VOC, mengamalkan penggunaan semula pelarut organik yang telah dibersihkan. Malahan, menuju ke arah pengurangan jumlah penggunaan pelarut organik, ia meneruskan usaha-usaha meniggikan kadar kepekatan minyak perekat jenis pelarut. Juga, berkenaan dengan bahan sisa buangan yang termasuk PCB\*5, pada bulan Oktober tahun 2016, kilang Chiba telah menamatkan pembuangan bahan sisa buangan sepenuhnya. Selepas ini, kami akan berusaha menambah baik secara berterusan, dan berusaha mengurangkan beban alam sekitar dengan lebih banyak lagi.

Akio Endo

Kilang Chiba Bahagian Teknikal Peralatan Pegawai Bertugas



\*1 VOC: Singkatan bagi "Volatile Organic Compounds" (sebatian organik meruap). Singkatan umum bagi bahan sebatian organik yang menjadi gas di udara.

\*2 Undang-Undang PRTR: Singkatan bagi (Undang-Undang Berkenaan Kemajuan Penambahbaikan Pengalangan dan Pengurusan Jumlah Pelepasan Bahan Kimia Ditetapkan Ke Persekitaran) yang mewajibkan sistem laporan "Pollutant Release and Transfer Register" (Jumlah Pelepasan dan Pemindahan Bahan Kimia). Sistem pengawalan dan pengumpulan data berkenaan jumlah pelepasan dan pemindahan bahan kimia, yang kemudian dilaporkan kepada negara dan diumumkan kepada orang ramai.

\*3 Peraturan REACH: Singkatan bagi Peraturan Berkenaan Pendaftaran, Penilaian, Kebenaran dan Penghadan Bahan Kimia, yang menjadi peraturan bahan kimia di Kesatuan Eropah. Pendaftaran diperlukan sekiranya mengekspor sebanyak lebih daripada 1t bahan kimia ke negara-negara Kesatuan Eropah dalam tempoh satu tahun. Juga, sekiranya terdapat bahan kimia yang tersenarai dalam bahan kimia yang tercalon sebagai sasaran kebenaran sebanyak lebih daripada 0.1% dalam kandungan produk, kita perlu melaporkannya.

\*4 Arahan RoHS: Arahan berkenaan penghadan kegunaan bahan kimia berbahaya yang tertentu pada peralatan elektronik/elektrik di Kesatuan Eropah.

\*5 PCB: Singkatan bagi bifenil berpoliklorin. Berkenaan bahan buangan yang mengandungi PCB, mengikut Undang-Undang Kaedah Istimewa PCB (undang-undang kaedah istimewa berkaitan kemajuan pemprosesan sesuai bagi bahan buangan bifenil berpoliklorin), penyimpanan, pengurusan dan pemprosesan yang sesuai adalah diwajibkan.

# Kegiatan CSR syarikat kumpulan luar negeri

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, kami memacu kegiatan CSR yang berakar di rantau tempatan bagi setiap syarikat kumpulan luar negeri.

## LIITEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Suzhou, China  
Jumlah pekerja: 211 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Dengan bermatlamatkan tujuan meningkatkan pemahaman para pekerja berkenaan biodiversiti, pada Mac 2017, kami telah menyediakan batas bunga dalam kilang. Para pekerja telah bersungguh-sungguh bercucuk tanam. Selepas ini, kami akan meneruskan kegiatan pemeliharaan biodiversiti di tempat yang dekat dengan kami.



Pekerja yang menyediakan batas bunga

Liu Shiping  
Jabatan Kejuruteraan



## LIITEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Tianjin, China  
Jumlah pekerja: 96 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Sewaktu "Majlis Sukaneka Penyebaran Ilmu Keselamatan Pencegahan" yang dianjurkan oleh Persatuan Daerah Pembangunan XiQing Bandar Tianjin pada September 2016, 6 orang pekerja kami telah menyertainya, dan kami telah menyertai pertandingan-pertandingan seperti langkah pemadaman api dan rawatan kecemasan mangsa cedera. Selain menjadi latihan menghadapi kemalangan, ia juga membantu meningkatkan kesedaran pencegahan.



Keadaan pertandingan majlis sukaneka (rawatan kecemasan mangsa cedera)

David Lee  
Bahagian Pengurusan Keselamatan



## LIITEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Tainan, Taiwan  
Jumlah pekerja: 94 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Setiap tahun kami mengadakan latihan pendidikan AED (defibrilator luaran automatik) dan CPR (resusitasi kardiopulmonari). Melalui latihan, kami bersedia untuk bertindak balas dengan menjalankan langkah CPR sekiranya berlaku kecemasan nyawa.



Keadaan latihan pendidikan AED dan CPR

Tju-en Wu  
Bahagian pentadbiran



## LIITEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan  
Jumlah pekerja: 79 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Disember 2016, sukarelawan dalam syarikat telah mengadakan kegiatan pengumpulan hadiah Krismas yang disumbangkan kepada institut jagaan kanak-kanak. Hadiah yang dikumpulkan daripada para pekerja telah dibalut dengan rapi, dan para pekerja telah menyerahkan hadiah sendiri kepada institut jagaan kanak-kanak.



Gambar kenang-kenangan dengan pegawai bertugas institut jagaan kanak-kanak

Su Yu Wen  
Bahagian Hal Ehwal Manusia dan Am



## LIITEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheon, Korea  
Jumlah pekerja: 82 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

"Undang-Undang Pemeliharaan Alam Sekitar dan Udara" di Korea telah dipinda pada tahun 2015, dan udara yang dilepaskan dari bilih bersih juga telah tertakluk pada peraturannya. Di syarikat ini, mesin pemampatan dan peralatan pengurusan gas ekzos (jenis RTO) telah diperbaharui, dan kami menjangkakan pengurangan jumlah pelepasan ke udara VOC\*<sup>1</sup> sebanyak 3t (kira-kira 26%) dalam setahun, mulai dari tahun 2017.



Peralatan pengurusan gas ekzos (jenis RTO) yang baru disediakan

Jang, Dae-Jung  
Bahagian Pejabat Am



## LIITEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Pyeongtek, Korea  
Jumlah pekerja: 132 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Bagi mendorong penjimatan tenaga dan pengurangan kos di kilang pada bulan Oktober 2016, kami telah menukarkan lampu pendarfluor di kilang kami kepada lampu LED. Kami menjangkakan hasilnya iaitu pengurangan sebanyak 81,445kWh setahun dan pengurangan jumlah pengeluaran karbon dioksida (38.3t-CO2/tahun)\*<sup>2</sup>.



Pencahaya LED di dalam pejabat

Myung-Jin Kim  
Jabatan Teknologi Mesin



## PT. LIITEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Indonesia  
Jumlah pekerja: 112 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada April 2016, di daerah Karawang, Jawa Barat, Indonesia, kami telah menjalankan penanaman 1,500 batang pokok bakau. Tujuan kegiatan ini adalah untuk mengawal pemanasan global serta menyumbang kepada pemeliharaan biodiversiti dan penambahbaikan kualiti air di kawasan hutan paya.



Kegiatan Pembersihan Pantai

Harijanto Muliawan  
Pegawai Keselamatan Persekitaran



## LIITEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Pulau Pinang, Malaysia  
Jumlah pekerja: 94 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Sebagai sebahagian daripada pelan latihan pendidikan, semua pekerja yang datang bekerja menggunakan motosikal (74 orang) telah mengambil kursus pemanduan selamat. Kursus tersebut telah dijalankan di Pusat Latihan Pemanduan Selamat Syarikat HONDA yang terletak di Pulau Pinang, dan dengan mempelajari punca-punca utama berlaku kemalangan motosikal serta cara menghindari kemalangan, ia menghubungkan kait dengan peningkatan kesedaran keselamatan.



Keadaan latihan pemanduan keselamatan

Mohd Sopian Bin Ismail  
Bahagian Produksi



\*1 VOC: → lihat halaman 17.

\*2 Ditetapkan mengikut pekali kuasa elektrik Korea Selatan.

## LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lokasi: Sarawak, Malaysia  
Jumlah pekerja: 24 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Untuk mempelajari tentang pemeliharaan diversiti, pada bulan September 2016, kami telah berkunjung ke pulau Talang Besar di Sarawak. Pantai di pulau ini merupakan tempat penyu bertelur dan juga merupakan kawasan perlindungan haiwan yang penting. Kami telah mempelajari berkenaan cara-cara perlindungan haiwan dengan teliti daripada pegawai bertugas di pusat perlindungan berkenaan.



Michael Benzi Junior  
Bahagian Hal Ehwal Pekerja



Di hadapan Pusat  
Perlindungan Pulau  
Talang Besar

## LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Singapura  
Jumlah pekerja: 87 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan September 2016, kami telah berkunjung ke Rumah Saint John, dan beramah mesra dengan warga emas serta menjalankan kegiatan sukarelawan seperti pembersihan dan sebagainya. Juga, kami turut menjalankan kegiatan menanam pokok, dan berusaha ke arah meningkatkan kesedaran biodiversiti.



Lai Choon May  
Bahagian Jaminan Kualiti



Persembahan nyanyian  
di rumah orang tua

## MADICO, INC.

Lokasi: Massachusetts, Amerika  
Jumlah pekerja: 217 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Bermula dari penyertaan acara "Pemanduan Permainan" bagi kanak-kanak CASA (Organisasi yang memberi sokongan kepada mangsa yang menderita keganasan rumah tangga dan sebagainya), sepanjang tahun 2016, kami telah menjalankan berbagai-bagai kegiatan sumbangan kemasyarakatan. Pada masa akan datang, kami akan terus menyumbang kepada komuniti rantau.



Sarah Ito  
Bahagian CSR



Kegiatan mengagih  
makanan

## NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER

Lokasi: Texas, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 12 pekerja  
Bisnes utama: Kajian/Pembangunan

Pada bulan Mac 2017, kami telah menyertai kegiatan sukarelawan badan amal yang membekalkan makanan kepada golongan yang hidup miskin, dan melakukan aktiviti membalut snek dan minuman yang kaya dengan khasiat untuk dibekalkan kepada kanak-kanak yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Pada masa akan datang, kami akan terus menyertai kegiatan sukarelawan secara proaktif.



Christopher Valentine  
Bahagian Harta Intelek/  
Kajian Asas




Aktiviti membalut barangan

## LINTEC OF AMERICA, INC. (Chicago)

Lokasi: Illinois, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 7 pekerja  
Bisnes utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Dengan bertemakan "Nashua Rides for Hope", kami telah menjalankan kegiatan mengutip derma bagi tujuan memberi sokongan kepada pesakit kanser. Selepas ini, kami akan meneruskan kegiatan sumbangan kemasyarakatan.



Jim Halloran  
Bahagian Perniagaan



Ahli "Nashua Rides for Hope"

## LINTEC EUROPE B.V.

Lokasi: Bandar Amstelveen, Belanda  
Jumlah pekerja: 9 pekerja  
Bisnes utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemroses kertas

Kami menjalankan kegiatan sukarelawan bagi golongan yang memerlukan bantuan hidup. Para pekerja dan keluarga mereka mengumpulkan pakaian, selimut dan alat permainan, dan pada bulan November 2016, kami telah melawat tadika, sekolah rendah serta gereja di sebuah kampung kecil di Romania, dan memberikan hadiah kepada mereka.



Peter Olah  
Bahagian Perniagaan



Kakitanagn yang  
menyusun pakaian dan  
barangan harian

## LINTEC HANOI VIETNAM CO., LTD.

Lokasi: Daerah Bac Ninh, Vietnam  
Jumlah pekerja: 13 pekerja  
Bisnes utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Kami menjalankan latihan pencegahan bencana dengan balai bomba tempatan. Pada tahun 2016, kami menjalankan latihan berkenaan pemakaian hos air dan pemadam api bersama-sama dengan anggota bomba. Selepas ini, kami ingin meneruskan kegiatan pencegahan bencana.



Masahiro Kawasaki



Kedadaan latihan  
pencegahan kebakaran

## LINTEC (THAILAND) CO., LTD.

Lokasi: Daerah Chachoengsao, Thailand  
Jumlah pekerja: 126 pekerja  
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada 25 Disember 2016, kami telah menyerahkan derma yang dikumpulkan daripada pekerja syarikat beserta pakaian, beg, kasut dan lain-lain kepada institut orang kurang upaya. Kami juga melakukan khidmat gunting rambut dan penyediaan makanan bagi orang kurang upaya oleh para pekerja. Ini ialah kali pertama kami melakukan aktiviti sebegini, tetapi kami ingin menjadikannya sebagai tradisi setiap tahun selepas ini.



Nantawat Sakunchaiworanan  
Bahagian Hal Ehwal Manusia



Semasa sesi penyampaian  
hadiah sumbangan kepada  
institut orang kurang upaya

## PT. LINTEC JAKARTA

Lokasi: Daerah Jakarta, Indonesia  
Jumlah pekerja: 21 pekerja  
Bisnes utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Bangunan tempat terletaknya syarikat kami mengadakan latihan pencegahan bencana 2 kali setahun. Dengan berlatarkan kejadian kebakaran di tingkat yang tinggi, kami berlatih cara pemindahan ke tempat yang ditetapkan di tingkat 1 menggunakan tangga kecemasan. Selepas ini, dengan menyertai latihan secara proaktif, kami akan terus berusaha ke arah meningkatkan kesedaran pencegahan bencana.



Affitaul Khoir  
Bahagian Hal Ehwal Pekerja



Kedadaan latihan  
pemindahan menggunakan  
tangga kecemasan

Kumpulan LINTEC ialah perusahaan global yang memiliki 40 buah syarikat di seluruh dunia, dan mengambil kerja seramai kira-kira 5,600 pekerja. Nisbah pekerja di Jepun dan luar negara ialah sebanyak kira-kira 6:4, dan dari situ, kita dapat memahami bahawa perniagaan di luar negara adalah sangat penting. Moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” tercermin dalam kegiatan CSR, dan dengan Bahagian Perjalanan CSR berada di bawah kawalan langsung presiden syarikat, tanpa mengira sama ada di dalam mahupun luar negara, kita dapat merasakan kemahuan LINTEC untuk menjalankan tanggungjawab kemasyarakatan dengan sebaik-baiknya. LINTEC sebagai sebuah perusahaan yang jujur dan berusaha untuk mencapai permintaan daripada masyarakat dengan seikhlas hatinya, bagi tujuan melonjakkan lagi kegiatan pada peringkat global, berharap untuk berusaha bagi 3 perkara di bawah.

Perkara yang pertama ialah, bagi kegiatan CSR di luar negara, segala perkara yang dijalankan haruslah dicatatkan dengan teliti. LINTEC, bagi memacu kegiatan pelbagai jenis modal insan, kini menggalakkan kepelbagaian. Berkenaan dengan kepelbagaian ini, terdapat dua catatan di dua tempat iaitu pada permulaan laporan ini iaitu “Rencana 1” dan “Laporan Kemasyarakatan”. Ia menyampaikan hala tuju ke arah pertumbuhan bersama individu dan perusahaan dengan menitikberatkan modal insan dengan baik. Tetapi, data dan kandungan yang hanya ada dalam usaha yang dicatatkan, meskipun berada di Jepun, terdapat banyak perkara yang terbatas, dan kerana itu, kami berharap agar usaha-usaha di luar negara juga dicatatkan dengan teliti. Walaupun kita mengambil kepelbagaian sebagai contoh, perkara yang sama juga berlaku di bidang yang lain seperti latihan dan keselamatan kerja, serta jaminan kualiti. Bagi kira-kira 40 peratus pekerja syarikat yang berada di luar negeri, kami berpendapat bahawa mereka juga berharap agar catatan tidak sekadar terhad kepada catatan berkenaan hal-hal di Jepun, bahkan negara sendiri dan negara-negara selain Jepun juga dirangkumkan dengan lebih lagi.

Perkara kedua ialah catatan berkenaan etika perniagaan (etika korporat). Bahagian Perjalanan CSR bukan sekadar menggerakkan kegiatan CSR, tetapi juga menjalankan peranan memupuk nilai etika yang tinggi bagi seluruh syarikat. Menurut Bahagian Perjalanan CSR, ia mencurahkan banyak tenaga kepada pemupukan nilai etika

pekerja syarikat, dan ia telah menyoal berkenaan pelaksanaan latihan dan penerbitan risalah dalam syarikat bagi tujuan berkenaan. Pada masa ini, semakin tinggi kesedaran etika perniagaan yang lahir daripada pemahaman bahawa, bagi pengurusan perniagaan di dunia ini, untuk tujuan merealisasikan pematuhan, betapa banyaknya peraturan yang mengikat, ia tidak akan memberi kesan yang baik, kerana untuk membina syarikat, perkara yang benar-benar penting ialah pemupukan nilai etika yang berakar dalam setiap individu. Kami berharap, atas usaha-usaha yang sudah dilaksanakan cukup bagus, kita boleh menunjukkannya secara proaktif mendahului syarikat yang lain, dan memanfaatkannya bagi tujuan meninggikan lagi kadar kepercayaan terhadap kita selaku perusahaan peneraju.

Perkara yang ketiga ialah pencegahan pencemaran. Ini merujuk kepada persoalan yang utama, yakni “tempat ini tercemar atau tidak?” yang belum dapat diselesaikan di kawasan kilang-kilang di luar negara, terutamanya kawasan kilang yang menggunakan produk kimia. Lazimnya, di Jepun, kita sudah menetapkan langkah-langkah supaya tidak berlaku kebocoran bahan pencemaran, dan juga telah memastikan pelaksanaan langkah-langkah berkenaan, dan kerana itu, barangkali adalah tidak berlebihan untuk mengatakan bahawa kadar kepercayaan dari luar syarikat terhadap struktur pengurusan kilang kita bolehlah dikatakan tinggi. Tapi, di luar negara, sekiranya kita memperkatakan tentang kilang jenis kimia, hakikatnya, kerisauan rantau terhadap kebocoran bahan pencemaran adalah tinggi. Kerana, tidak sama seperti Jepun yang beranggapan “perkara yang elok lebih baik disembunyikan”, orang di luar negara akan berpandangan “benda yang tidak diberitahu adalah benda yang tidak dilakukan”, justeru anda digalakkan untuk memeriksa pendedahan berkenaan pelaksanaan berkaitan pencegahan pencemaran dalam laporan CSR.



Puan Makiko Akabane  
Wakil Jepun CSR Asia

## Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kami telah menerima pandangan pihak ketiga daripada Puan Akaba buat pertama kalinya dalam cetakan tahun 2017. Selepas penerimaan pandangan tersebut dengan seikhlas hati, kami ingin memajukan pengurusan CSR seterusnya.

Berkenaan kegiatan CSR di luar negara, kami ingin mula melihat dengan meluaskan pandangan kami secara berterusan, dan seterusnya mencukupkan laporan keadaan usaha kami dengan maklumat yang lebih teliti.

Bagi pemupukan nilai etika, dengan berteraskan moto syarikat, kegiatan berterusan yang bertujuan berkongsi dan membangunkan Garis Panduan Pematuhan adalah sangat penting, dan kami berhasrat ingin menengahkan juga kegiatan berkenaannya.

Syarikat Kumpulan ini mempunyai 11 buah kilang di luar negara, dan kami menjalankan operasi secara terancang dengan mengintegrasikan sistem pengurusan alam sekitar kami kepada seluruh dunia, tetapi berkenaan situasi usaha langkah balas terhadap pencegahan pencemaran, kami akan mengkaji supaya ia akan dirangkumkan sekali.

Pada masa akan datang, dengan memperkuatkan dan memajukan kegiatan korporat yang mengambil pengurusan CSR sebagai sikap dasarnya, kami berminat untuk mewujudkan sebuah perusahaan yang menyumbang kepada perealisasikan masyarakat yang boleh mampan.

Nishio Hiroyuki

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi

## Nota Editor

Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan [LIP-2019], yang bermula pada bulan April 2017, telah merangkumkan tema pentingnya iaitu “Usaha ke arah merealisasikan masyarakat boleh mampan” dan memberikan kepentingan kepada pelaksanaan kegiatan CSR yang bersifat “perlindungan” dan “proaktif”

sebagai teras kepada moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”.

Kami akan terus berusaha mencapai harapan para pemegang kepentingan, dengan memajukan lebih lagi kegiatan CSR merentasi keseluruhan Kumpulan, dengan sokongan ramai pihak.



“Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2017” Ahli-ahli projek pengeluaran